

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : JPSWPKL(SH)/PLSK/27/2022
TAJUK KERJA : KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADA STRUKTUR LOG BOOM DI KEROH 1 DAN KEROH 2 BAGI PROJEK RIVER OF LIFE (ROL) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	CE	CE21 - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **28 Februari 2022 (Isnin)** hingga **07 Mac 2022 (Isnin)**.
4. Dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, **PENAMA** kontraktor hendaklah membawa sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM 30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **28 Februari 2022 (Isnin)** hingga **07 Mac 2022 (Isnin)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan menyertai sebut harga ini. Taklimat akan diadakan pada **24 Februari 2022 (Khamis)** pada jam 10.00 pagi di Blok B, Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK) (Lat : 3.21806 Long: 101.68125), walaubagaimanapun kontraktor boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri. Sehubungan dengan itu, Kontraktor diminta untuk memenuhi SOP dan mematuhi Langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM iaitu dengan mengawal penjarakan sosial dan penggunaan hand sanitizer serta sentiasa memakai pelitup muka/'mask' sepanjang lawatan.
9. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak sebut harga.
10. Sebut harga ini akan ditutup pada **07 Mac 2022 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
11. Penyebut harga **boleh menghantar dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum **atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.

.....
Nama **Haji ZULBIN MOHAMMAD**
Jawatan : **Pengarah Operasi**
Tarikh : **Pejabat Lembangan Sungai Klang**
Jabatan Pengairan dan Saliran

18 FEB 2022